

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

1. Nyatakan jumlah pendaratan ikan marin dan udang di kawasan Selatan Pulau Pinang bagi setiap bulan dari tahun 2023 hingga 2024.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil pendaratan ikan dan udang marin?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang tidak menghasilkan data mengikut pangkalan bagi tahun 2023 dan tahun-tahun sebelumnya. Pengumpulan data berdasarkan pangkalan mula dilaksanakan pada Januari 2024. Jumlah pendaratan ikan marin dan udang di kawasan selatan Negeri Pulau Pinang bagi setiap bulan pada tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Melalui program pelepasan benih ikan/udang di perairan umum, stok sumber perikanan asli dapat ditingkatkan. Program ini dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dan 2024 di tiga (3) perairan sungai di Negeri Pulau Pinang iaitu di Sungai Muda, Sungai Perai dan Sungai Kerian dengan melibatkan nelayan darat. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sedang merancang untuk meluaskan pelepasan benih ikan/udang ini ke kawasan perairan laut pada tahun hadapan.

**JUMLAH PENDARATAN IKAN MARIN DAN UDANG
DI KAWASAN SELATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024**

BULAN	GERTAK SANGGUL	PERMATANG DAMAR LAUT	PULAU BETONG	SUNGAI BATU	TELOK TEMPOYAK	TELUK KUMBAR	JUMLAH (TAN METRIK)
Januari	6.884	10.263	10.539	9.428	4.706	13.749	55.569
Februari	6.677	19.397	12.156	10.829	4.555	11.705	65.319
Mac	10.203	18.077	16.078	17.125	7.742	18.713	87.938
April	13.632	19.63	15.622	15.959	8.36	19.055	92.258
Mei	13.388	19.713	16.464	17.776	6.236	21.48	95.057
Jun	6.751	15.035	13.04	11.807	5.368	15.933	67.934
Julai	5.641	9.736	11.222	10.148	6.238	12.011	54.996
Ogos	4.336	12.332	9.424	7.210	6.039	9.652	48.993
JUMLAH (TAN METRIK)	67.512	124.183	104.545	100.282	49.244	122.298	568.064

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

2. Berapakah jumlah pendaratan ikan marin dan udang di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi setiap bulan dari tahun 2023 hingga 2024?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Data pendaratan perikanan tangkapan laut di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi setiap bulan pada tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**DATA PENDARATAN PERIKANAN TANGKAPAN LAUT DI SELURUH
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2023 DAN 2024**

BULAN/TAHUN	2023	2024 (SEHINGGA SEPTEMBER)
Januari	2,755.98	2,962.08
Februari	3,741.79	5,329.83
Mac	3,351.59	5,343.33
April	3,236.58	4,906.59
Mei	2,758.52	3,003.81
Jun	3,364.45	2,964.20
Julai	3,997.65	2,368.05
Ogos	3,198.20	2,334.18
September	2,700.13	2,263.54
Oktober	2,813.00	0.00
November	3,396.92	0.00
Disember	2,911.43	0.00
JUMLAH (TAN METRIK)	38,226.24	31,475.61

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

3. Apakah jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang kepada pelajar?
- (a) Berapakah pelajar yang telah mendapat pinjaman?
 - (b) Berapakah pelajar yang masih tidak bayar balik?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri daripada tahun 2008 sehingga tahun 2023 adalah sebanyak RM42,300,250. Seramai 3,222 orang pelajar telah diberikan pinjaman di bawah Unit Pinjaman Penuntut Negeri bagi tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2023 dan daripada jumlah yang tersebut seramai 617 orang peminjam masih mempunyai tunggakan iaitu sebanyak RM3,061,626.91.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

4. Nyatakan kes-kes melibatkan pengusiran paksa di Pulau Pinang yang melibatkan penempatan atas tanah negeri ataupun milikan persendirian sejak tahun 2008.
- (a) Apakah pampasan yang telah diberikan kepada kes yang selesai?
- (b) Apakah status kes-kes yang belum selesai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah melaksanakan tindakan pengusiran secara paksa bagi kes yang melibatkan penempatan di atas tanah negeri atau tanah milikan persendirian sejak tahun 2008. Tindakan untuk mengosongkan tapak yang diambil adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa dan prosedur yang telah ditetapkan.

Bagi tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, tiada tindakan pengusiran secara paksa yang dilaksanakan. Secara umumnya, tindakan yang diambil adalah di bawah Seksyen 426A Kanun Tanah Negara di mana Pentadbir Tanah akan mengeluarkan surat pentadbiran kepada pemilik struktur dengan memberikan tempoh tertentu untuk mengosongkan tapak. Sekiranya pemilik enggan mematuhi arahan tersebut, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426A Kanun Tanah Negara akan diambil. Notis pengosongan beserta tempoh munasabah akan dikeluarkan kepada pemilik struktur untuk tindakan selanjutnya. Jika arahan ini masih tidak dipatuhi, barulah tindakan penguatkuasaan dijalankan sepenuhnya.

Semua tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara.

Bagi tanah milikan persendirian, proses pengosongan perlu melalui perintah bailif Mahkamah Tinggi dan sebarang tindakan pengusiran bukan di bawah bidang kuasa Pentadbiran Kerajaan Negeri. Keputusan mengenai pampasan atau peruntukan dalam kes ini juga tidak melibatkan Kerajaan Negeri secara langsung.

Penjelasan Berdasarkan Kanun Tanah Negara dan Perlembagaan Persekutuan

Menurut Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan, perlindungan hanya diberikan kepada hak pemilikan yang sah. Pendudukan tanpa kebenaran di atas tanah Kerajaan Negeri atau persendirian tidak tertakluk kepada perlindungan ini dan pampasan tidak diwajibkan bagi pendudukan tanpa izin.

(a) Pampasan bagi Kes yang Selesai:

Oleh kerana pendudukan tanpa izin di atas tanah Kerajaan Negeri tidak melibatkan hak pemilikan yang sah, tiada sebarang pampasan yang wajib diberikan berdasarkan undang-undang.

(b) Status Kes yang Belum Selesai:

Untuk kes yang belum selesai melibatkan tanah Kerajaan Negeri, tindakan pengosongan akan diteruskan mengikut peruntukan Seksyen 426A Kanun Tanah Negara tanpa melibatkan pengusiran secara paksa. Berikut adalah jumlah kes-kes penguatkuasaan tanah yang telah mendapat kelulusan daripada Majlis Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN) dan kini dalam peringkat penyelarasan:

- (i) **Daerah Barat Daya:** 2 kes
- (ii) **Daerah Timur Laut:** Tiada kes pada masa sekarang.
- (iii) **Daerah Seberang Perai Selatan:** 1 kes
- (iv) **Daerah Seberang Perai Utara:** 2 Kes
- (v) **Daerah Seberang Perai Tengah:** 3 kes

Bagi kes yang melibatkan tanah milik persendirian, sebarang pengosongan perlu melalui saluran Mahkamah Tinggi dan Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat atau penglibatan langsung dalam proses ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

5. Senaraikan projek-projek tambakan laut yang dijalankan di sekitar perairan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2024.
 - (a) Nyatakan saiz tanah yang ditambah oleh setiap projek dan kos setiap projek.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Senarai projek-projek tambakan laut serta saiz tanah bagi setiap projek yang dilaksanakan di sekitar perairan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala kos bagi pelaksanaan bagi setiap projek berkenaan adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri memandangkan pelaksanaan projek tersebut adalah melalui pihak swasta. Namun demikian, jumlah kos keseluruhan yang melibatkan semua komponen projek *Penang South Reclamation* (PSR), Pulau A serta pembangunan dan kemudahan infrastruktur di Pulau A, termasuk *highway Pan Island Link 2A* (PIL 2A) dan *Airport Link Road* adalah dianggarkan sebanyak RM13.6 bilion.

LAMPIRAN A

NO.	PERKARA	LUAS (HEKTAR)
1	Tebus guna Tanah Seri Tanjung Pinang (Fasa 2), Tanjung Tokong	376.76
2	Tebus guna Tanah Bayan Mutiara, Batu Uban (Mutiara Metropolis Sdn Bhd.)	38.72
3	Tebus guna Tanah Bayan Bay (Berhadapan Queensbay Mall) (Ideal Gim Venture Sdn Bhd)	10.03
4	<i>Penang South Reclamation (PSR), Pulau A berserta Pembangunan, kemudahan infrastruktur di atas Pulau A, highway Pan Island Link 2A (PIL 2A), Airport Link Road Permatang Damar Laut</i>	931.78
5	Tebus guna Tanah di Butterworth Bagan Ajam sehingga Teluk Air Tawar (Rayston Consortium Sdn Bhd)	582
6	Tebus guna Tanah Jelutong (TPSJ) Bandar Jelutong (PLB Engineering Bhd)	64.75
7	Tebus guna Tanah Jelutong IJM Development Sdn. Bhd., Bandar Jelutong	131.12
8	Tebus guna Tanah Pembangunan Komersil, Mukim 12, Daerah Barat Daya. (City Meridian Development Sdn. Bhd)	11.23
9	Tebus guna Tanah Pembangunan Komersil, Mukim 12, Daerah Barat Daya. (Asia Green Venture Sdn. Bhd.)	8.07
10	Tebus guna Tanah Pembangunan Komersil, Mukim 12, Daerah Barat Daya. (Mutiara Biopolis Properties Sdn. Bhd.)	10.93
11	Tebus guna Tanah Pembangunan Komersil, Mukim 13, Daerah Barat Daya. (Mutiara Waterfront Habitats Sdn. Bhd.)	12.75
12	Pembangunan Linear Waterfront Development (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang - PDC)	171.67

Sumber : Permohonan Pelan Induk Tebus guna Tanah & Kelulusan Pelan Induk, 2024

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

6. Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan kawasan desa melalui program pembangunan luar bandar yang melibatkan kawasan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Tengah (SPT), Selatan (SPS) dan Barat Daya (DBD) daripada tahun 2018 hingga 2024.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, pembangunan kawasan desa terutama sekali kawasan luar bandar diambilkira dalam dasar – dasar seperti berikut:

**DASAR KHUSUS 6.2: PEMELIHARAAN, PEMULIHARAAN DAN
PEMBANGUNAN KAWASAN KAMPUNG**

- (i) **DK 6.2.1:** Merancang dan Membangunkan Guna Tanah Kampung Secara Holistik
- (ii) **DK 6.2.2:** Memelihara dan Memulihara Keserasian Identiti dan Karakteristik Kampung dengan Persekitaran Terutamanya Kampung Bercirikan Warisan
- (iii) **DK 6.2.3:** Menggalakkan Aktiviti Ekonomi untuk menyokong Industri Pelancongan Desa

Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang) juga telah menyediakan satu

Pelan Induk Kampung – Kampung Warisan Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha membangunkan luar bandar sejak 2018.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan bajet bagi pelaksanaan Projek Khas Ekonomi melalui pihak Pejabat Daerah dan Tanah dalam membangunkan kawasan desa di seluruh negeri seperti program-program berikut:

(1) Program Pembangunan Infrastruktur

Program yang merangkumi penyelenggaraan dewan masyarakat, penyelenggaraan gerai, pembinaan dan penyelenggaraan jalan dan longkang kampung telah dijalankan bagi memastikan penduduk luar bandar di Negeri Pulau Pinang mendapat kemudahan yang setara dengan kawasan bandar;

(2) Program Pembangunan Modal Insan

Program yang dilaksanakan seperti kursus dan bengkel bertujuan memberi pendedahan serta kemudahan asas perniagaan selain dapat memupuk budaya keusahawanan di kalangan penduduk dan membantu meningkatkan pendapatan;

(3) Program Baikpulih Dan Bina Baru Rumah

Program yang bertujuan memberi fokus kepada penduduk yang berpendapatan rendah dengan kadar pendapatan isi rumah RM3,170.00 dan ke bawah atau perkapita RM581.00. Terdapat dua projek yang dilaksanakan iaitu baikpulih rumah dengan kadar siling ubahsuai sebanyak RM42,000.00 dan bina baru rumah dengan kadar siling sebanyak RM75,000.00.

(4) Program Bantuan Peralatan Perniagaan

Program yang memberi fokus kepada peniaga kecil berpendapatan di bawah RM3,000.00 sebulan berupa bantuan peralatan bagi mengembangkan perniagaan sedia ada.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

7. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan keupayaan rakyat memiliki rumah?
- (a) Nyatakan pecahan jumlah pemilikan rumah mampu Kerajaan Negeri mengikut kategori umur dan kaum sejak mula diperkenalkan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memberikan keutamaan bagi memudahkan rakyat dalam memiliki rumah di Negeri Pulau Pinang. Selaras dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan' dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMM pelbagai kategori menjelang tahun 2030. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan memiliki rumah seperti berikut:-
- (i) Mewujudkan satu (1) kategori baharu di bawah Rumah Mampu Milik (RMM) B2 bagi memastikan lebih ramai rakyat Pulau Pinang mampu memiliki rumah sendiri. Kategori RMM B2 akan ditawarkan dengan harga maksimum sebanyak **RM100,000.00** untuk unit rumah yang berkeluasan **750 kaki persegi** dengan had pendapatan isi rumah bulanan pada kadar sebanyak **RM5,000.00**. Berikutan itu, dengan pengenalan kategori RMM B2 ini, ia dapat membantu pemilikan rumah oleh rakyat Pulau Pinang dan dapat

mengurangkan jurang harga antara RMM B1 yang berharga **RM72,500.00** dan RMM C1 yang berharga **RM150,000.00**.

- (ii) Selain itu juga, skim sewa beli adalah merupakan satu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri melalui LPNPP untuk membantu golongan yang sukar membeli rumah secara langsung, terutamanya bagi yang berpendapatan rendah dan merupakan salah satu langkah yang positif untuk membantu lebih ramai rakyat Pulau Pinang memiliki rumah, dengan menyediakan kaedah yang lebih berpatutan dan fleksibel.
- (iii) Justeru itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam pelaksanaan penyediaan unit Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan unit Program Perumahan Rakyat (PPR) selaras dengan Visi Penang2030 iaitu pembekalan sebanyak **22,000 unit** sewa beli dengan kadar terendah serta bersubsidi yang dapat meningkatkan keupayaan keluarga untuk membuat simpanan dan merancang kewangan untuk memiliki rumah.
- (a) Perincian pecahan jumlah pemilikan Rumah Mampu Milik mengikut kategori umur dan kaum dari Tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2024 seperti di **LAMPIRAN A**.

Jadual 1 : Perincian pecahan jumlah pemilikan Rumah Mampu Milik mengikut kategori umur dan kaum dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2024

Bangsa / Umur	RMM A				RMM B				RMM C1				RMM C2				RMM C3			
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L
<21	1	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21-30	708	211	124	1	39	62	32	2	0	0	0	0	125	64	10	2	354	673	128	4
31-40	3,299	1,433	547	17	1,320	1,562	386	18	0	0	0	0	447	572	123	7	1,003	3,656	376	38
41-50	3,455	1,233	403	19	1,389	1,972	345	17	0	0	0	0	151	258	64	3	221	1,076	123	11
51-60	1,684	900	339	9	443	916	219	10	0	0	0	0	33	78	26	2	42	300	33	4
>60	1,199	924	318	9	300	1,055	231	9	0	0	0	0	18	53	21	1	11	171	20	4
Jumlah	10,346	4,701	1,731	55	3,491	5,569	1,213	56	0	0	0	0	774	1,025	244	15	1,631	5,876	680	61
	16,833				10,329				0				2,058				8,248			
	37,468																			

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

8. Nyatakan jumlah pendaratan penyu di pantai-pantai di sekitar Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2024.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Jumlah pendaratan penyu di pantai-pantai sekitar Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PENDARATAN PENYU DI PANTAI-PANTAI SEKITAR NEGERI PULAU PINANG
DARI TAHUN 2013 HINGGA 2024

TAHUN	BIL. IBU PENYU (MENDARAT)		BIL. PENDARATAN PENYU		BIL. TELUR DIPEROLEHI		BIL. TELUR DIERAM		BIL. ANAK PENYU MENETAS		PERATUS MENETAS %
	AGAR	LIPAS	AGAR	LIPAS	AGAR	LIPAS	AGAR	LIPAS	AGAR	LIPAS	
2013	14	2	61	2	6292	65	6292	65	3416	32	54.4
2014	7	0	35	0	3876	0	3846	0	3062	0	79.6
2015	11	1	59	1	7574	0	7565	0	4066	0	53.7
2016	7	0	55	0	5770	0	5761	0	2001	0	34.7
2017	5	0	30	0	3406	0	3329	0	2380	0	71.5
2018	11	0	34	0	3277	0	3267	0	1159	0	35.5
2019	14	1	65	1	6998	104	6940	104	4334	96	63.1
2020	14	0	54	0	5400	0	5300	0	3280	0	60.5
2021	17	0	54	0	3772	0	3672	0	2173	0	59.3
2022	16	0	54	0	4849	0	4849	0	2537	0	52.3
2023	35	1	79	1	7130	0	7130	0	5168	110	71.4
2024	9	0	12	0	1029	0	1029	0	911	0	88.5

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

9. Senaraikan 10 negara yang mempunyai pelancong yang terbanyak datang ke Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024 serta nyatakan jumlah pelancong daripada setiap negara dalam senarai tersebut.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. 10 negara yang mempunyai pelancong yang terbanyak datang ke Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024 (Januari hingga September) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

10 NEGARA YANG MEMPUNYAI PELANCONG YANG TERBANYAK DATANG KE PULAU PINANG PADA TAHUN 2023 DAN 2024

2023		
No	Negara	Ketibaan
1	Indonesia	345,786
2	Singapore	186,353
3	China	37,711
4	Taiwan	35,223
5	Thailand	21,652
6	United States America (USA)	20,601
7	Australia	16,986
8	United Kingdom	15,500
9	Japan	13,285
10	Negara lain	11,615

2024 (Januari-September)		
No	Negara	Ketibaan
1	Indonesia	277,533
2	Singapore	123,965
3	China	84,947
4	Taiwan	32,105
5	Thailand	22,171
6	United States America (USA)	15,709
7	United Kingdom	14,152
8	Australia	12,752
9	Japan	11,024
10	Negara lain	9,497

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

10. Berapakah peruntukan yang telah diberikan kepada Muzium Negeri Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri bagi setiap tahun dari tahun 2018 hingga 2024?
 - (a) Berapakah jumlah pelawat yang telah melawat muzium dalam tempoh tahun 2018 hingga 2024?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Muzium Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2024 adalah sebanyak RM11.3 juta dengan pecahan seperti jadual di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Sebagai makluman, penutupan premis Muzium Negeri Pulau Pinang Lebuhr Farquhar untuk kerja-kerja restorasi bermula pada 15 April 2017 dan serahan tapak bagi projek menukar bumbung di premis Muzium Macalister mula dilaksanakan pada bulan Februari 2020. Jumlah pelawat yang melawat Muzium Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 2018 hingga 2024 adalah seperti jadual di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

Pecahan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2024 adalah seperti jadual di bawah :

Tahun	Peruntukan Kerajaan Negeri
2018	RM1.65 Juta
2019	RM1.65 Juta
2020	RM1.65 Juta
2021	RM1.65 Juta
2022	RM1.65 Juta
2023	RM1.65 Juta
2024	RM1.4 Juta

LAMPIRAN B

Pecahan jumlah pelawat yang melawat Muzium Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 2018 sehingga 2024 adalah seperti jadual di bawah:

Statistik Pengunjung Tahun 2018 - 2024

Bil.	Premis	Bilangan Pengunjung
1.	Muzium Negeri Lebu Farquhar (2018 - September 2024) Pameran Mangkuk Tingkat (17 Mei 2024 - 30 Jun 2024)	1,919
2.	Muzium Macalister (2018 - September 2024)	21,889
3.	Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (2018 - September 2024)	42,961
4.	Pameran-pameran Sementara	24,270
5.	Hari Muzium Antarabangsa 2024	
	a. Pelawat Fizikal	226,061
	b. Pelawat Online	128,079

*** Kesemua premis Muzium & Balai Seni Lukis Pulau Pinang ditutup berikutan arahan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 dan dibuka semula pada bulan Julai 2020 secara berperingkat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

12. Nyatakan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan wanita dan inisiatif-inisiatif membantu ibu atau suri rumah kembali bekerja.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Program iSejahtera masih diteruskan pada tahun 2024 dan menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terutamanya pada golongan wanita. Sehingga Oktober 2024, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan RM1,074,700.00 kepada 10,747 orang penerima bagi Program Ibu Tunggal dan RM4,509,500.00 bagi Program Suri Emas dengan penerima sebanyak 45,095 orang.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan berjumlah RM290,000.00 di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita di semua KADUN.

Pada tahun ini, dua (2) program berlandaskan pembangunan kemahiran usahawan wanita dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) iaitu:

- (i) *Penang Women's Entrepreneur Mentoring Program* (PenMentor), sebuah platform untuk membantu usahawan wanita baharu atau yang ingin mengembangkan perniagaan. Program ini menyediakan mentor-mentor yang berpengalaman untuk memberi bimbingan agar para peserta dapat mengembangkan perniagaan mereka lebih berhasil. Ia juga merupakan satu peluang bagi para peserta membina

rangkaian dengan usahawan-usahawan wanita dari pelbagai bidang. Seramai 100 wanita akan mendapat manfaat daripada program ini; dan

- (ii) Program Wanita Jana Rezeki (WJR) di mana 180 ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) akan melalui latihan mengenai cara melaksanakan program jana pendapatan untuk wanita akar umbi dalam komuniti mereka. Program ini akan memberi pendedahan kepada pemimpin JPWK mengenai kemahiran dan tindakan mengurus dan melaksanakan tugas dengan lebih efektif dan memberi manfaat kepada komuniti. Hasilnya, pemimpin JPWK mampu memperkasakan sesuatu komuniti dalam menjalankan aktiviti ekonomi.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan PWDC membina sebuah lagi taska iaitu Taska D'Komtar 2.0 pada tahun 2023 bagi memenuhi keperluan penjagaan kanak-kanak dalam kalangan penjawat awam negeri rentetan kapasiti di Taska D'Komtar 1.0 yang dibina pada tahun 2013 telah mencapai tahap maksimum. Kerajaan Negeri menyedari betapa pentingnya pendidikan awal kanak-kanak serta memahami keperluan ibu bekerja dan salah satu galakan untuk suri rumah kembali bekerja terutamanya penjawat awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi-agensinya di bawahnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

13. Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang telah diberikan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan senarai bantuan kewangan / inisiatif yang boleh dimohon untuk membantu OKU (selain Jabatan Kebajikan Masyarakat).

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri komited dan prihatin terhadap semua rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang memerlukan bantuan. Kerajaan Negeri melalui program i-sejahtera memperuntukkan bayaran penghargaan secara *one-off* bagi OKU yang berdaftar dan bermastautin di Pulau Pinang dengan kadar bantuan RM200.00 setahun. Berikut merupakan perincian jumlah penerima bagi Program Bantuan OKU melalui Program i-sejahtera sepanjang tahun 2020 hingga 2024:

Program Bantuan OKU			
Tahun	Kadar Bayaran (RM)	Jumlah Penerima	Jumlah Bayaran (RM)
2020	150.00	11,637	1,745,550.00
2021	150.00	11,644	1,746,600.00
2022	200.00	12,686	2,537,200.00
2023	200.00	13,344	2,668,800.00
2024	200.00	14,416	2,883,200.00

Jabatan utama yang memberi bantuan kepada OKU adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Namun begitu, terdapat beberapa inisiatif dan bantuan di bawah jabatan/agensi lain yang turut

membantu golongan OKU. Antara inisiatif yang telah disediakan dan dinikmati oleh golongan OKU di Negeri Pulau Pinang adalah perkhidmatan parkir OKU secara percuma di tempat awam seperti di pusat membeli-belah, institusi kerajaan dan kawasan-kawasan awam.

Inisiatif yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan dapat dinikmati oleh golongan OKU di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Memberi pelekat tempat letak kereta percuma OKU kepada golongan OKU yang beralamat di Pulau Pinang dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan;
- (ii) Mengadakan program kesedaran dan kempen pendidikan kesihatan secara bersasar kepada komuniti OKU; dan
- (iii) Menganjurkan program jangkau luar *outreach* suntikan anti-tifoid bagi pengendali makanan OKU.

Rapid Penang turut membuka pendaftaran pas OKU SMILE khas bagi pengguna bas berstatus OKU bermula 1 Februari 2024 untuk menikmati perjalanan secara percuma. Pemohon perlu menyertakan kad pengenalan dan kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM bagi tujuan verifikasi. Permohonan pas OKU Smile boleh dibuat di Kios Informasi Rapid Penang: Ibu Pejabat Rapid Penang (Lorong Kulit), Terminal Bas Weld Quay, Komtar, Bukit Mertajam, Kompleks Dato' Kailan Kepala Batas dan Penang Sentral.

Selain itu, PERKESO telah melaksanakan beberapa perancangan bagi memastikan golongan OKU mendapat permintaan dalam pasaran buruh negara, sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan mereka. Antara usaha yang telah dijalankan di Pulau Pinang adalah penubuhan sebuah Pusat Satelit *MYFutureJobs* yang pertama khusus untuk golongan OKU di Pusat Komuniti Desa (PKD) Sungai Chenaam dan UTC KOMTAR. PERKESO komited menjadikan Pusat Satelit *MYFutureJobs* sebagai medium dalam pelaksanaan program kebolehpasaran kepada golongan OKU.

Program Pendidikan Khas oleh Kementerian Pendidikan disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas yang mempunyai masalah pembelajaran, masalah pendengaran dan masalah penglihatan.

Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik/vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.